

## MATDUM bakal terbit buku kompilasi kes tatatertib



Kuantan, 11 April- Majlis Tatatertib dan Disiplin Pelajar Universiti Malaysia (MATDUM) bakal menerbitkan Buku Kompilasi Kes Tatatertib dan Disiplin Pelajar Universiti Awam pada Jun ini.

Buku yang akan digunakan oleh pelajar baharu Universiti Awam sesi 2016/2017 itu adalah bagi memudahkan mereka untuk memahami dengan lebih jelas kes dan tindakan yang akan diambil sekiranya melanggar peraturan yang ditetapkan oleh universiti.

Ketua Editornya, Prof. Madya Dr.Mohd Ghani Awang berkata, buku ini mengandungi koleksi kes yang pernah dilakukan pelajar dan tindakan yang diambil oleh universiti terhadap kesalahan berkenaan.

"Sebagai contoh, kes pelajar meniru ketika peperiksaan dan menerima hukuman seperti digantung semester. Idea untuk menerbitkan buku ini bukannya untuk menakutkan pelajar tetapi sebagai peringatan yang jelas terhadap kesalahan yang dilakukan.

"Editorial buku ini terdiri daripada Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim sebagai penaung, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof.Datuk Yuserrie Zainuddin sebagai penasihat dan diketuai oleh Penolong Pegawai Penasihat Undang-Undang USM, Masmadhanur Aslinda Mohd Ali sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan serta wakil UITM,UIA, UMT,UMK,UUM, UniMAP, UTHM dan UMS sebagai editor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika bengkel penerbitan buku berkenaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini.

Mohd Ghani berkata, sebelum ini, bengkel penerbitan buku itu juga turut diadakan di Terengganu bagi membincangkan kaedah penulisan yang bersesuaian dan hasil daripada itu, Jawatankuasa bersepakat menggunakan sepenuhnya konsep Format Ghani kerana dapat memudahkan pelajar memahami kandungannya dengan lebih jelas dan tersusun.

Katanya, penggunaan buku ini juga adalah salah satu inisiatif MATDUM dalam menangani masalah disiplin yang berlaku dan sekali gus mengurangkan kadar salah laku pelajar di universiti.

MATDUM adalah salah satu majlis di bawah Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor dan Rektor (Hal Ehwal Pelajar ) Universiti Awam dan bertanggungjawab menyelaraskan kes serta prosedur berkaitan tatatertib dan disiplin pelajar.

**Berita dan gambar disediakan oleh Shalfarina Shahrman dari Penerbit UMP.**